

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 17 JANUARI 2024
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2

Bincang tambah baik tatakelola AP, IP tingkat daya saing



Anwar ketika mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi (MTEN) yang pertama untuk tahun ini. (Foto Ihsan PMO)

Bincang tambah baik tatakelola AP, IP tingkat daya saing

Kerajaan cari formula pastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Putrajaya: Setiap agensi kawal selia berkaitan diminta mengemukakan kaedah penambahbaikan kepada Jemaah Menteri bagi meningkatkan kecekapan dan ketelusan proses analisis risiko import, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata perkara itu dipersetujui dalam mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi (MTEN) yang dipengeruskannya di sini, semalam.

"MTEN hari ini membincangkan mengenai penambahbaikan tatakelola Approved Permit (AP) dan Permit Import (IP) ke arah meningkatkan daya saing negara. "Adalah penting bagi kerajaan mencari satu formula bukan sahaja memberi keuntungan kepada pengguna tetapi juga kepada pengeluar tempatan terutama dalam memastikan keterjaminan



Amir Hamzah Azizan



Gobind Singh Deo



Tengku Zafrul

bekalan makanan negara sentiasa mencukupi," katanya menerusi perkongsian pada akaun Facebook miliknya semalam.

Anwar turut menyarankan Ketua Audit Negara melaksanakan proses audit untuk sektor terpilih bagi memastikan pelaksanaan AP dan IP mencapai sasaran dan memenuhi matlamat ditetapkan.

Kaji isu kewujudan kartel

Selain itu, beliau turut mengarahkan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) untuk melaksanakan kajian dan penilaian terhadap tatakelola dan pengimportan barangan halal.

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) pula diminta mengkaji isu berkaitan kewujudan kartel dalam isu pengimportan barangan berasaskan makanan.

Dalam pada itu, Anwar berkata bagi memperkukuhkan keberkesanan perbincangan dan keputusan, beliau bersetuju menambah ahli tetap MTEN.

Mereka adalah Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz; Menteri Digital, Gobind Singh Deo dan Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan.

"Terkait dengan pelaksanaan Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) yang saya luncurkan pada 2 Januari 2024, mesyuarat membentangkan kemajuan semasa dan memberi pandangan langkah yang perlu diambil oleh agensi berkaitan.

"Ini terutamanya berkaitan keselamatan data dan kaedah untuk meningkatkan jumlah pendaftaran," katanya.